

Khairul Anuar komited tingkat imej UPM

MENGGALAS tanggungjawab sebagai pegawai perhubungan awam (PRO) sesebuah organisasi bukanlah satu perkara yang mudah.

Ia menuntut seseorang individu itu memiliki kemahiran tertentu bagi membolehkan segala tugas yang diamanahkan dilaksanakan sebaik mungkin.

Ini kerana, seseorang PRO memainkan peranan sebagai orang tengah yang menghubungkan sesebuah organisasi dengan pihak luar selain bertanggungjawab meningkatkan imej organisasi ke tahap lebih baik dari semasa ke

semasa.

Perkara itu diakui sendiri oleh Ketua Perhubungan Media, Khairul Anuar Muhamad Noh, 46, yang kini bertugas di Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Sedang, Selangor.

Jelas beliau, kerjayanya sejak sembilan tahun lalu itu banyak memberi pengalaman terutamanya tugas dan bertanggungjawab menjaga hubungan baik antara pihak universiti dengan media.

Ikuti temu bual *Kosmo!* bersama beliau bagi mengupas pengalamannya sepanjang bertugas di UPM.

LIMA soalan

KHAIRUL ANUAR sentiasa menjaga hubungan baik dengan media mahupun di luar waktu bertugas.



1 Boleh ceritakan sedikit tentang latar belakang kerjaya anda?

Sebelum bertugas sebagai Ketua Perhubungan Media di UPM, saya sememangnya memiliki pengalaman dalam industri media.

Saya pernah menjadi penulis sambilan untuk beberapa majalah dan akhbar selama empat tahun antara 1987 hingga 1991 sebelum beralih menjadi wartawan sambilan untuk akhbar *Berita Harian* pada tahun 1991 hingga 1992.

Selepas dua tahun bekerja sebagai wartawan sambilan, saya melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Media di Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Apabila tamat pengajian, saya bekerja di beberapa syarikat produksi drama dan filem seperti Warna Motion & Nizarman dan Mega TV antara tahun 1997 hingga 2006 sebelum masuk semula ke dalam industri media dengan bertugas di Agensi Berita Nasional (Bernama) selama dua tahun sehingga 2008 sebagai Eksekutif Jabatan Pengarang.



PERBINCANGAN merupakan rutin Khairul Anuar bersama rakan setugasnya.

4 Apakah antara cabaran yang perlu dihadapi?

Bertugas sebagai PRO memerlukan seseorang individu itu sentiasa peka dengan keadaan di sekelilingnya.

Sebagai contoh, jika ada fakulti atau pusat di UPM ingin melaksanai sesuatu program, saya perlu tahu ia sesuai untuk liputan pihak media atau tidak.

Cabarannya, jika program tersebut diketahui agak lewat, saya terpaksa menggunakan masa yang terhad itu untuk melakukan segala urusan termasuklah mengumpul maklumat, menyediakan salinan siaran akhbar dan mengeluarkan surat jemputan kepada wakil media.

Lebih penting, saya perlu memastikan pihak media memperoleh segala maklumat yang diperlukan kerana ia akan menentukan kualiti laporan berita yang akan disiarkan.



KHAIRUL ANUAR terpilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 dalam satu majlis di UPM baru-baru ini.

2 Mengapa anda memilih untuk bertugas sebagai PRO?

Saya mula bertugas sebagai PRO di UPM pada bulan Mac 2008 selepas mengambil keputusan menamatkan kerjaya di Bernama.

Sebenarnya, saya sangat cintakan bidang kewartawanan kerana saya memang suka menulis dan mengarang artikel.

Disebabkan perasaan ingin merasai situasi bekerja sebagai seorang PRO sangat menebal di dalam diri, saya mencuba nasib dengan membuat permohonan kepada UPM dan saya bersyukur kerana diterima sebagai pegawai di Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi.



SEBAGAI PRO, Khairul Anuar mempunyai tanggungjawab besar terutama memastikan liputan media terhadap majlis konvokesyen berjalan dengan baik.

5 Sebagai seorang yang berpengalaman luas di dalam bidang PRO, apakah nasihat anda kepada rakan-rakan lain di dalam bidang ini.

Sebagai seorang PRO, kita harus mengetahui skop tugas yang perlu dilaksanakan. Dalam konteks perhubungan media, individu tersebut perlulah mempunyai jaringan yang luas dengan pihak media.

Ini kerana, hubungan baik dengan pihak media sama ada organisasi mahu pun petugas media itu sendiri akan memudahkan urusan yang bakal dilaksanakan pada masa akan datang.

Lebih penting ialah sentiasa menjaga hubungan baik tersebut walaupun di luar waktu bertugas kerana ia merupakan pelaburan terbesar untuk menjaga faedah bersama untuk jangka masa panjang.

3 Apakah antara bidang tugas utama anda?

Sebagai pegawai yang menjawat jawatan Ketua Perhubungan Media, saya bertanggungjawab untuk merancang, mengurus aktiviti dan program bagi meningkatkan imej, reputasi dan tanggapan positif masyarakat terhadap UPM.

Untuk mencapai objektif tersebut, saya dan beberapa rakan setugas perlu mencapai indeks prestasi utama yang telah ditetapkan oleh pihak jabatan iaitu mencapai sekurang-kurangnya 6,300 artikel atau berita berkaitan aktiviti universiti yang diterbitkan di dalam pelbagai bentuk media sepanjang tahun.

Saya juga perlu peka dalam mencari peluang untuk mempromosikan universiti kepada pihak luar tanpa perlu bergantung kepada program atau majlis rasmi yang dilaksanakan.